



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2010**

---

**TARIKH PELANTIKAN TETAP PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA YANG LULUS IJAZAH  
SARJANA MUDA MELALUI PROGRAM PENGAJIAN JARAK JAUH**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan ketetapan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mengenai tarikh lantikan seragam bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda melalui program pengajian jarak jauh (PJJ) dan dilantik ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41.

**LATAR BELAKANG**

2. PPPLD Gred DGA29/A32/A34/A38 boleh memohon dan dilantik ke jawatan PPPS Gred DG41 apabila telah memenuhi syarat lantikan di bawah skim perkhidmatan PPPS.
3. PPPLD berpeluang mengikuti pengajian di peringkat ijazah melalui pelbagai saluran, antaranya melalui tajaan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan diberikan kemudahan cuti belajar separuh gaji/cuti belajar tanpa gaji

ataupun melalui pembiayaan sendiri dengan mengikuti pengajian melalui program PJJ.

4. Peraturan semasa menetapkan bahawa PPPLD yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda **melalui program PJJ**, setelah diluluskan pelantikan ke perkhidmatan PPPS Gred DG41, dilantik mulai **tarikh arahan penempatan semula oleh KPM untuk berkhidmat atas Gred DG41 atau tarikh lapor diri, mana terkemudian**. Sehubungan itu, tarikh pelantikan adalah tidak seragam disebabkan oleh proses permohonan anggota, temu duga dan penempatan semula oleh KPM. Implikasinya, tarikh kuat kuasa pelantikan berbeza-beza dari kalangan PPPLD yang lulus ijazah pada masa yang sama atau dalam jarak waktu yang hampir sama.

#### **KAEDAH BARU**

5. Suruhanjaya telah memutuskan bahawa **mulai tahun 2009**, tarikh pelantikan tetap PPPS Gred DG41 bagi PPPLD yang lulus ijazah secara PJJ ditetapkan **secara seragam pada 2 Oktober** seperti berikut, tertakluk kepada adanya kekosongan jawatan PPPS Gred DG41:
  - (a) tahun permohonan dibuat sekiranya memperolehi ijazah sebelum 2 Oktober tahun berkenaan; atau
  - (b) tahun berikutnya sekiranya memperolehi ijazah pada tarikh selepas 2 Oktober.

Sekiranya pegawai **lulus ijazah pada tarikh selepas 2 Oktober**, SPP boleh menetapkan tarikh lantikan pada tarikh ijazah diperolehi sekiranya permohonan pelantikan ke jawatan PPPS Gred DG41 dibuat dalam tahun yang sama.

## PERMOHONAN

6. PPPLD yang memperolehi ijazah digalakkan untuk **memohon dengan segera** di [www.spp.gov.my](http://www.spp.gov.my) untuk pelantikan tetap ke jawatan PPPS Gred DG41 kerana **tarikh permohonan akan menentukan tarikh kuat kuasa pelantikan sekiranya lulus temu duga** iaitu pada **2 Oktober**, tahun permohonan dibuat. Contoh implikasi ke atas tarikh permohonan adalah seperti berikut:

### Contoh 1:

Butiran	Tarikh	
	PPPLD A	PPPLD B
(a) lulus ijazah secara PJJ	23.03.2009	23.03.2009
(b) mengemukakan permohonan secara <i>on-line</i> untuk lantikan ke PPPS Gred DG41	<b>01.09.2009</b>	<b>04.01.2010</b>
(c) temu duga PPPS Gred DG41	11.02.2010	11.02.2010
(d) keputusan Suruhanjaya: diluluskan untuk dilantik	-	-
(e) tarikh lantikan tetap PPPS Gred DG41	<b>02.10.2009</b>	<b>02.10.2010</b>

### Contoh 2:

Butiran	Tarikh	
	PPPLD A	PPPLD B
(a) lulus ijazah secara PJJ	23.11.2009	23.11.2009
(b) mengemukakan permohonan secara <i>on-line</i> untuk lantikan ke PPPS Gred DG41	<b>11.12.2009</b>	<b>04.01.2010</b>
(c) temu duga PPPS Gred DG41	11.02.2010	11.02.2010
(d) keputusan Suruhanjaya: diluluskan untuk dilantik	-	-
(e) tarikh lantikan tetap PPPS Gred DG41	<b>23.11.2009</b>	<b>02.10.2010</b>

7. Melalui Contoh 1 di atas, perbezaan tarikh lantikan tetap disebabkan oleh **perbezaan tahun PPPLD A dan B membuat permohonan**. Bagi Contoh 2 pula, permohonan PPPLD A pada tahun memperoleh ijazah tidak melayakkannya dilantik sebagai PPPS pada 2 Oktober tahun permohonan dibuat kerana **pada tarikh tersebut beliau belum memenuhi syarat lantikan mengikut skim perkhidmatan PPPS**. Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab PPPLD sendiri untuk memastikan permohonan dibuat sebaik sahaja lulus ijazah secara PJJ agar pelantikan sebagai PPPS Gred DG41 dikuat kuasakan pada **2 Oktober**, tahun yang berkaitan.

### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' WAN KHAZANAH BINTI ISMAIL)**

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Malaysia

Tarikh: 17 Mei 2010

### **Edaran kepada:**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia

Aras 8, Blok E8, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

**62604 PUTRAJAYA**

Semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri

**Salinan kepada:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**